



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

SEMINAR PELAKSANAAN LANGKAH KECEKAPAN TENAGA DI PREMIS KERAJAAN TINGKATKAN AMALAN CEKAP TENAGA SEKTOR AWAM

SELANGOR, 28 Julai 2025 - Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah melaksanakan **Seminar Pelaksanaan Langkah Kecekapan Tenaga di Premis Kerajaan** selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadi teladan dalam amalan kecekapan tenaga ataupun *Government Lead By Example (GLBE)*.

Seminar yang julung-julung diadakan ini bertujuan membuat hebahan dan penjelasan terperinci berkenaan Arahan Pelaksanaan Langkah Kecekapan Tenaga Tanpa Kos (*No-Cost Measures*) Di Premis Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 9 April 2025 yang lalu. Seramai 150 orang peserta daripada 49 Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan telah menghadiri seminar ini.

Seminar berlangsung di Sama-sama Hotel, Sepang ini dianjurkan di bawah payung *Malaysia Energy Literacy Program* (MELP) iaitu sebuah kerjasama strategik antara PETRA, Suruhanjaya Tenaga, SEDA Malaysia, TNB dan syarikat pembekalan elektrik dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang agenda peralihan tenaga serta penggunaan tenaga secara cekap di kalangan penjawat awam.

Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir, Timbalan Menteri PETRA yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Pemandu MELP di dalam ucapan alu-aluannya telah menjelaskan bahawa bangunan Kerajaan seperti kompleks pejabat, sekolah dan hospital merupakan antara

penggunaan tenaga utama dalam sektor awam di Malaysia. Secara purata, Kerajaan Persekutuan membelanjakan sehingga RM260 juta sebulan untuk bil utiliti elektrik. Sekiranya inisiatif kecekapan tenaga *no-cost measures* dilaksanakan di bangunan Kerajaan secara menyeluruh, Kerajaan boleh menjimatkan 3- 5% daripada kos utiliti tersebut.

Justeru, seminar seumpama ini menyediakan medan perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga di bangunan Kerajaan seperti di hospital-hospital awam yang telah menunjukkan impak positif dari sudut kecekapan operasi dan kelestarian alam sekitar. Antara *no-cost measures* yang mudah dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan adalah seperti menetapkan suhu penghawa dingin kepada sekurang-kurangnya 24°C di semua ruang pejabat dan bilik mesyuarat, memastikan lampu dan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan serta mewujudkan amalan dan budaya penjimatan tenaga dalam kalangan warga kerja melalui hebahan dan kempen kesedaran dalaman.

PETRA percaya penggunaan tenaga yang cekap dan berhemah di bangunan Kerajaan dapat menyumbang kepada penjimatan tenaga serta menurunkan perbelanjaan kos utiliti sektor awam, sekaligus menyokong aspirasi negara mencapai matlamat peralihan tenaga yang mampan dan pengurangan jejak karbon. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan dan kesejahteraan rakyat dalam pengurusan sumber negara termasuklah kelangsungan sumber tenaga.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 28 JULAI 2025